

# PDRM rampas dadah RM262.3 juta

## Nilai rampasan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini menurun

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) merampas pelbagai jenis dadah dianggarkan bernilai RM262.3 juta sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Jumlah itu menunjukkan penurunan, berbanding nilai rampasan bahan terlarang itu untuk tempoh sama tahun lalu sebanyak RM683.3 juta.

Setiausaha Polis Malaysia, Datuk Noorsiah Mohd Saaduddin, berkata dalam tempoh Januari

hingga Jun lalu, sebanyak 69,648 kes dengan 81,706 individu ditahan atas pelbagai seksyen kesalahan mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Beliau berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan berbanding tempoh sama tahun lalu, dengan 55,560 kes dan 66,889 tangkapan.

“Sepanjang tempoh enam bulan ini, sebanyak 10,464 kilogram (kg) pelbagai jenis dadah, 2,394 liter pelbagai cecair dadah, 69,132 kg daun ketum dan 44,809 liter air ketum dirampas dengan nilai rampasan berjumlah RM262.3 juta.

“Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun lalu, polis merampas 15,397 kg pelbagai jenis dadah, 5,342 liter pelbagai cecair dadah, 148,407 kg daun ketum serta 54,267 liter air ketum dengan nilai rampasan RM683.3 juta,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Noorsiah berkata, sepanjang tempoh enam bulan itu juga, PDRM membongkar enam makmal haram memproses dadah membabitkan 18 tangkapan, berbanding 10 makmal haram dibongkar dengan 51 tangkapan dalam tempoh sama tahun lalu.

Sementara itu, katanya, dianggarkan RM79.2 juta aset sindiket dadah disita sepanjang tempoh enam bulan tahun ini, dengan aset bernilai RM9.06 juta sudah dilucut hak.

“Bagi tempoh sama tahun lalu, aset dianggar bernilai RM87.6 juta disita dengan aset bernilai RM8.6 juta dilucut hak,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, seramai 997 individu ditahan mengikut Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dalam tempoh enam bulan tahun ini, berbanding 557 individu bagi tempoh sama tahun lalu.

“PDRM, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik

“Sepanjang tempoh enam bulan ini, sebanyak 10,464 kilogram (kg) pelbagai jenis dadah, 2,394 liter pelbagai cecair dadah, 69,132 kg daun ketum dan 44,809 liter air ketum dirampas dengan rampasan berjumlah RM262.3 juta”

**Noorsiah Mohd Saaduddin,**  
Setiausaha Polis Malaysia



(JSJN) terus berusaha membanteras aktiviti penyalahgunaan dan pendedaran dadah. Kita berharap masyarakat akan terus menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pendedaran yang berlaku melalui talian hotline JSJN di talian 012-2087222,” katanya.